

SKEMA JAWAPAN BAHASA MELAYU KERTAS 4

Petikan 1

Setelah beberapa purnama tertangguh, akhirnya saya merasakan sekelumit ilmu yang mengisi dada saya sudah mampu membolehkan saya berjuang sebagai warga sebuah kota besar yang agung itu. Kepada **bonda**, saya sampaikan hasrat untuk **membina kehidupan yang lebih sempurna** di ibu kota. Tanah **desa halaman ini tidak lagi dapat menjanjikan masa depan saya lebih terurus**.

Saya perlukan kerjaya yang terjamin dan ekonomi yang stabil untuk merancang kehidupan masa depan saya.

Bonda tersenyum melihat saya tidak sabar untuk meninggalkan bumi kelahiran saya ini. "**Mel**, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota. Tetapi, ingatlah pesan bonda supaya menjaga dua perkara. **Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan**. Agama itu baju peribadi bangsa kita. Akidah yang kukuh menjadi akar yang menunjang pohon kebenaran. Islam merupakan panduan hidup. **Peliharalah bahasa ibunda** kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal. **Bahasa jiwa bangsa**. Bangsa yang bijak tidak akan membuang bahasanya walau apa-apa alasan sekalipun."

Pesan itu menyuburi hati dan perasaan saya. Pesanan daripada lidah seorang bonda untuk anakandanya yang akan merantau jauh. Saya yakin mempunyai kekuatan untuk menghadapi dugaan dan cabaran di tengah ibu kota. Sebelum berangkat, bonda menyerahkan naskhah-naskhah kitab lama miliknya di dalam sebuah beg sarat untuk dikirimkan kepada sahabat lama di kota.

"Mel, buku-buku ini khazanah nenek moyang kita. **Di kota nanti carilah seorang sahabat lama bonda bernama Munsyi. Hadiahkan buku-buku ini kepadanya** kerana masih ada nilainya di kota sana."

Dipetik daripada cerpen "Munsyi", antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

1.	i) membina kehidupan yang lebih sempurna	1m
	ii) desa halaman tidak lagi menjanjikan masa depan yang lebih terurus	1m
2.	Mel/ bonda/ Munsyi	1m
3.	i) perintah agama jangan diabaikan	1m
	ii) peliharalah bahasa ibunda	1m
4.	B	1m
5.	i) mencari sahabat ibu yang bernama Munsyi	1m
	ii) menghadiahkan buku-buku kepunyaan bonda kepada Munsyi	1m

Petikan 2

Berdasarkan laporan tahunan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, pada tahun 2019 **kes kematian yang dilaporkan adalah sebanyak 578 kes** akibat pekerjaan, 40 811 kes akibat kemalangan pekerjaan, dan 9860 kes akibat penyakit serta keracunan di tempat kerja. Kemalangan di tempat kerja mengakibatkan **kematian, kecederaan, dan trauma** yang secara tidak langsung dapat menjejaskan produktiviti.

Pelbagai akta dibentuk oleh kerajaan bagi melindungi pekerja, misalnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKTA 514). Akta ini menetapkan bahawa liabiliti menjaga keselamatan dan kesihatan pekerja **tidak terhad kepada majikan semata-mata**, malah **melibatkan pihak lain yang membawa risiko di tempat kerja termasuklah pembekal bahan binaan atau peralatan, pengilang, pereka bentuk, dan pekerja itu sendiri**.

Sejak dunia dilanda wabak COVID-19, semua pihak menghadapi situasi yang sukar. Wabak ini memberikan impak kepada kehidupan manusia terutama bagi sektor pekerjaan dengan risiko jangkitan wabak tersebut. Sebanyak 14 peratus daripada keseluruhan jangkitan global COVID-19 adalah terdiri daripada pekerja kesihatan dengan 7000 kes kematian pada tahun 2020. Jangkitan COVID-19 berlaku disebabkan **keadaan tempat kerja yang tertutup** menyebabkan sistem pengudaraan yang tidak mencukupi. Selain itu, **ruang yang terhad menyukarkan pelaksanaan penjarakan fizikal dalam kalangan pekerja sewaktu bekerja**.

Berdasarkan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak 1 Januari 2021 hingga 27 April 2021, sebanyak **736 kluster** daripada 1103 kluster baharu ialah kluster berkaitan dengan tempat kerja. Oleh itu, kita hendaklah bersama-sama memainkan peranan bagi menangani masalah keselamatan di tempat kerja.

1.	578 kes	1m
2.	i) kematian	1m
	ii) kecederaan	1m
	iii) trauma	1m
3.	i) tidak terhad kepada majikan semata-mata	1m
	ii) melibatkan pihak lain seperti pembekal bahan binaan, pengilang, pereka bentuk, dan pekerja itu sendiri	1m
4.	B	1m
5.	i) keadaan tempat kerja yang tertutup	1m
	ii) ruang yang terhad menyukarkan pelaksanaan penjarakan fizikal	1m

Laporan Sambutan Hari Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Hitech

ALOR SETAR, Selasa - Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Hitech telah mengadakan sambutan Hari Guru pada peringkat sekolah. Tema hari guru pada tahun ini ialah **Guru Insani Pemangkin Generasi Madani**. Majlis dimulakan dengan perhimpunan khas oleh murid-murid dan barisan guru. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah **Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Tuan Inspektor Murad bin Hashim, selaku pegawai seranta sekolah.**

Seterusnya, dua buah lagu dinyanyikan, iaitu **lagu Negaraku dan Guru Malaysia**, diikuti dengan bacaanikrar oleh guru-guru yang diketuai oleh Cikgu Kamal. Kemudian, guru-guru dijemput untuk memberikan ucapan. Sambutan Hari Guru diadakan bagi mengenang jasa dan pengorbanan guru dalam pembentukan modal insan dalam mendepani negara yang semakin maju.

Sambutan Hari Guru dimeriahkan lagi dengan beberapa acara sukan yang melibatkan guru-guru dan murid-murid. Antara acara yang dipertandingkan ialah **tarik upih, boling padang, batu seremban, dan anyaman ketupat**. Majlis Hari Guru juga diserikan dengan acara pentas seperti nyanyian dan persembahan oleh murid-murid.

Jamuan disediakan oleh Badan Kebajikan Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Hitech kepada semua murid. Kek Hari Guru pula disumbangkan oleh **Bank Rakyat** selaku rakan strategik dalam Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti serta swasta (PIBKS) sekolah tersebut. Murid-murid meraikan guru mereka dengan memberikan hadiah dan ucapan Hari Guru. Sambutan Hari Guru berakhir pada pukul 1:30 tengah hari.

Disediakan oleh,

23 MEI 2023.

Maisarah

(MAISARAH BINTI OMAR)

Setiausaha,

Persatuan Ibu Bapa dan Guru,

Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Hitech.

1.	Guru Insani Pemangkin Generasi Madani	1m
2.	i) Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)	1m
	ii) Tuan Inspektor Murad bin Hashim, pegawai seranta sekolah	1m
3.	i) Lagu Negaraku	1m
	ii) Lagu Guru Malaysia	1m
4.	D	1m
5.	i) Bank Rakyat	1m

Petikan 4

KUALA LUMPUR, 2 Ogos - Sebanyak 13 kes kematian dicatatkan lagi pada hari kelima OPS Selamat 18 bersempena dengan sambutan Aidilfitri yang lalu. Hal ini menjadikan 89 kes kematian dicatatkan dalam tempoh lima hari sejak operasi itu dilancarkan pada **29 April 2023**.

Setakat ini, statistik OPS Selamat 18 keseluruhannya mendapati **penunggang dan pembonceng motosikal** mencatat jumlah kes kematian tertinggi, iaitu sebanyak 54 kes kematian, diikuti oleh **pemandu kereta** sebanyak 25 kes.

Sebanyak 106 358 saman telah dikeluarkan atas enam kesalahan utama, iaitu **memandu melebihi had laju, memandu di lorong kecemasan, memotong di garisan berkembar, memotong barisan, melanggar lampu isyarat, dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu**.

Kemalangan jalan raya banyak memberikan kemudaratan seperti **kecederaan, kematian, dan kerugian akibat kerosakan kenderaan**. Oleh itu, pengguna jalan raya dinasihatkan agar **memandu kenderaan dengan berhemah** agar terhindar daripada sebarang malapetaka yang tidak diingini. **Patuhilah peraturan jalan raya dan papan tanda yang terdapat di sepanjang jalan raya**. Selain itu, **sikap timbang rasa, sabar, dan berkongsi jalan raya** perlu diamalkan pada setiap masa.

1.	29 April 2023	1m
2.	i) penunggang dan pembonceng motosikal	1m
	ii) pemandu kereta	1m
3.	i) memandu melebihi had laju/ memandu di lorong kecemasan/ memotong di garisan berkembar/ memotong barisan/ melanggar lampu isyarat/ dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu.	1m
	ii) memandu melebihi had laju/ memandu di lorong kecemasan/ memotong di garisan berkembar/ memotong barisan/ melanggar lampu isyarat/ dan menggunakan telefon bimbit semasa memandu.	1m
4.	A	1m
5.	Memandu dengan berhemah/ Patuhilah peraturan jalan raya dan papan tanda yang terdapat di sepanjang jalan raya/ bertimbang rasa/ bersabar/ berkongsi jalan raya	1m